

Gaji minimum RML,500

'Perkasa penguatkuasaan pastikan majikan patuhi pelaksanaan'

Kuala Lumpur: Jabatan Tenaga Kerja (JTK) perlu memprkaskan penguatkuasaan di tempat pekerjaan bagi memastikan semua majikan mematuhi pelaksanaan pembayaran gaji minimum RML,500 kepada pekerja masing-masing.

Setausaha Agung Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC), Kamarul Baharin Mansor, berkata penguatkuasaan secara efektif penting supaya pelaksanaan peraturan yang mewajibkan semua majikan termasuk yang mempunyai kurang lima pekerja, membayar gaji minimum RML,500, bermula

la semalam.

"JTK tidak hanya perlu menunggu aduan dari pekerja untuk mengambil tindakan, ini kerana kita mendedapati pekerja di bawah kontrak kerajaan di sekolah seperti pembersihan dan keselamatan adalah mangsa yang JTK sendiri sudah maklum.

"Justeru, JTK perlu membuat penguatkuasaan terus ke tempat pekerjaan, MTUC turut mengecam syarikat yang gagal membayar gaji mini-



Kamarul Baharin Mansor

imum dan tidak membayar pelarasan gaji minimum sehingga RM3,600 semanjak tahun lepas.

"Syarikat di bawah kontrak kerajaan menyatakan, kegagalan membayar pelarasan kepada pekerja disebalik kerajaan tidak membayar tunggakan.

"Akhirnya yang menjadi mangsa pengantayaan adalah pekerja bawahan, kerajaan majikan menafikan hak peker-

ja," katanya dalam kenyataan, semalam.

Penguatkuasaan gaji minimum sebanyak RML,500 membabitkan majikan yang mempunyai kurang daripada lima pekerja, mula dilaksanakan selama enam bulan.

Pelaksanaan gaji minimum baharu diluluskan kerajaan pada 19 Mac 2022 dan diwartakan melalui Warta Kerajaan Persekutuan yang dikeluarkan Jabatan Peguam Negara pada 27 April, tahun lalu.

Pada masa sama, Kamarul Baharin berkata, MTUC mengha-

rapkan pembayaran gaji RML,500 akan meredakan ketidakpuasan hati pekerja kerana tebeban disebabkan dengan kenaikan kos barangan.

Beliau berkata, lebih RM300 itu sekurang-kurangnya dapat memastikan pendapatan pekerja meningkat tanpa melalui keredahan dan pelbagai alasan daripada syarikat.

"Perolehan gaji RML,500 bermakna tiada lagi diskriminasi terhadap pekerja-pekerja yang bekerja seperti di perusahaan mikro kecil dan sederhana (PKMS) yang merungut kerana gaji rendah," katanya.

WIS 21/7/23

TARIKH: 2/7/23
SURAT KHABAR: Berita Harian
MUKA SURAT: 15